

## UMT MUNCUL PUSAT PENYELIDIKAN UNGGUL

S# 14/05/08 Pg-Ti

### KUALA TERENGGANU

- Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kini merealisasikan hasrat negara apabila muncul sebagai pusat penyelidikan unggul di Malaysia.

Naib Canselornya, Prof Datuk Sulaiman Md Yassin berkata, UMT kini mendapat kepercayaan beberapa universiti luar negara bagi tujuan penyeli-

dikan termasuk Universiti Carolina, Universiti Penn State, Universiti Kagoshima dan Universiti Utara Brittany.

"UMT kini berkembang pesat dalam bidang pembelajaran dan penyelidikan melalui kemudahan infrastruktur disediakan sekalu gus dapat menampung keperluan akademik dalam meneruskan pem-

bangunan fizikalnya,' katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pemasyturan Perpustakaan UDM dan Pelancaran Buku Evolusi UMT yang disempurnakan oleh yang di-Dipertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, semalam.